KERAJAAN MALAYSIA

lwn.

RIMO JAYA (M) SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
TEE AH SING H
[GUAMAN SIVIL NO: S5-21-15-2003]
2 SEPTEMBER 2004

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman terus - Cukai pendapatan - Perjanjian pembayaran cukai - Taksiran cukai hanya dibayar sebahagiannya - Sama ada defendan berliabiliti untuk menjelaskan baki - Perintah penghakiman terus - Sama ada teratur - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A. 14 - Akta Cukai Pendapatan 1967, ss. 45, 46, 96A(1), (6)*

Melalui satu perjanjian pembayaran cukai pendapatan yang dimeterai dengan plaintif di bawah s. 96A(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 ('Akta'), defendan bersetuju untuk membayar cukai berjumlah RM5,766,130 kepada plaintif. Berikutnya, plaintif mengeluarkan notis taksiran komposit atas jumlah yang kena dibayar. Notis dialamatkan ke alamat terakhir defendan dan ianya tidak pernah dikembalikan kepada plaintif. Defendan telah membuat pembayaran sebanyak RM1,902,706, tetapi gagal menjelaskan jumlah selebihnya. Plaintif menuntut baki yang tertunggak dan seterusnya memohon dan memperoleh penghakiman terus untuk jumlah baki yang belum dijelas beserta dengan penalti yang dikenakan. Defendan merayu dan berhujah bahawa perintah penghakiman terus tidak boleh dipertahankan kerana: (i) notis taksiran komposit tidak disampaikan kepadanya; (ii) notis taksiran komposit tidak sah kerana tidak ditandatangani pegawai plaintif seperti kehendak s. 146(2) Akta; dan (iii) plaintif gagal mengeluarkan perakuan seperti kehendak s. 142(1) Akta.

Diputuskan (menolak rayuan dan mengesahkan penghakiman terus):

[1] Notis taksiran komposit yang disampaikan melalui pos biasa jelas telah sempurna disampaikan kepada defendan mengikut peruntukan s. 145(2)(a) Akta. (ms. 306 b)

[2] Notis taksiran komposit tidak perlu ditandatangani kerana s. 146(1) Akta memperuntukkan bahawa setiap notis sepertinya dikira sah apabila nama dan pejabat Ketua Pengarah ada dicetak, dicop atau ditulis di atasnya seperti yang dibuat oleh plaintif di sini. Notis taksiran komposit adalah sah menurut peruntukan s. 146(1) Akta. (ms. 306 d)

[3] Berdasarkan perjanjian, defendan bersetuju untuk membayar jumlah cukai yang kena dibayar, jumlah penalti yang dibayar serta jumlah bayaran ansuran yang kena dibayar. Oleh itu s. 142 Akta adalah tidak terpakai. Disamping itu, s. 96A(6) memperuntukkan bahawa taksiran komposit seperti dalam kes ini adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dirayui lagi. Selanjutnya, mahkamah di bawah s. 106 tidak boleh melayan *plea* seperti yang dibangkitkan oleh defendan. Defendan jelas tidak mempunyai pembelaan yang bermerit dan gagal membangkitkan sebarang isu yang perlu dibicarakan. (ms. 306 h & 307 a-f)

Kes-kes yang dirujuk:

Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh [1995] 1 LNS 323 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Income Tax Act 1967, ss. 96A(1), (6), 103(4), (5A), 106, 142(1), 145(2)(a), 146(1), (2)
Rules of the High Court 1980, O. 14 r. 1

Bagi pihak plaintif - Naimah Abdul Satar; Pegawai Undang-Undang
Bagi pihak defendan - BB Teh; T/n BB Teh

Dilaporkan oleh Rose Aziz

PENGHAKIMAN

Tee Ah Sing H:

Lampiran 14 ialah notis rayuan kepada hakim dalam kamar oleh defendan terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar ("PKP") yang diberikan pada 30 Oktober 2003 memerintahkan bahawa plaintif diberi kebebasan untuk memasukkan penghakiman terus di bawah A. 14 k. 1, Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 untuk jumlah wang RM4,462,254.72 dengan faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh realisasi dan kos. Permohonan melalui saman dalam kamar (Lampiran 6) disokong oleh afidavit yang diikrarkan oleh Mat Radzi bin Mat Sayed yang diikrarkan pada 5 Mac 2003 (Lampiran 5).

Afidavit balasan defendan telah diikrarkan oleh Cheong Lai Choo seorang pengarah dalam syarikat defendan yang diikrarkan pada 23 April 2003 (Lampiran 9).

Afidavit jawapan telah diikrarkan oleh Mat Radzi bin Mat Sayed pada 1 Ogos 2003 (Lampiran 11).

Afidavit balasan kedua defendan telah diikrarkan oleh Cheong Lai Choo pada 22 Ogos 2003 (Lampiran 13).

Menurut plaintif pada 19 Ogos 1997 dan 26 Januari 1998 satu perjanjian (eks. "MR-1") di bawah s. 96A(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 ("Akta tersebut") telah ditandatangani di antara plaintif dan defendan berhubung dengan cukai pendapatan yang kena dibayar oleh defendan bagi tahun-tahun taksiran 1992 hingga 1996. Selaras dengan perjanjian tersebut pada 25 April 1998 satu notis taksiran komposit (eks. "MR-2") telah dikeluarkan yang menunjukkan jumlah cukai sebanyak RM5,766,130 kena dibayar oleh defendan. Notis taksiran komposit tersebut telah diposkan ke alamat defendan yang terakhir diketahui dan tidak pernah dikembalikan ke pejabat plaintif tanpa diserahkan. Defendan telah membuat bayaran sebanyak RM1,902,706 meninggalkan baki sebanyak RM3,863,424. Defendan telah gagal untuk membayar baki cukai yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan. Oleh itu kenaikan-kenaikan sebanyak 10% dan 5% telah dikenakan menurut s. 103(4) dan 103(5A) Akta tersebut menjadikan jumlah terhutang sebanyak RM4,462,254.72.

Menurut defendan perjanjian di bawah s. 96A(1) Akta tersebut yang dimasuki oleh plaintif dan defendan adalah tidak sah kerana:

(a) tiada balasan yang sah wujud antara pihak-pihak mengenai pelaksanaan perjanjian tersebut;

(b) terdapat kuasa-kuasa tawar-menawar yang tidak setanding antara pihak-pihak;

(c) perjanjian tersebut mengekshibitkan satu surat jaminan yang tidak berkenaan dalam guaman ini.

Di samping itu plaintif telah gagal membuktikan bahawa notis taksiran komposit tersebut telah dipos dan disampaikan kepada defendan kerana tidak dialamatkan ke alamat berdaftar syarikat defendan. Notis tersebut tidak ditandatangani oleh pegawai plaintif seperti diperuntukkan dalam s. 146(2) Akta tersebut.

Peguam defendan telah memfailkan hujahan bertulis bertarikh 10 Februari 2004.

Peguam plaintif telah memfailkan hujahan bertulis bertarikh 10 Mac 2004.

Peguam defendan telah memfailkan hujahan balasan bertarikh 15 Mac 2004.

Saya telah meneliti penghujahan-penghujahan bertulis kedua-dua pihak.

Isu pertama yang dibangkitkan oleh defendan ialah samada notis taksiran komposit (eks. "MR-2" Lampiran 5) telah disampaikan kepada defendan.

a Notis taksiran komposit tersebut (eks. "MR-2") telah diposkan ke alamat berdaftar defendan seperti dinyatakan dalam Borang C tahun taksiran 1996 yang diterima oleh plaintif pada 14 April 1997. Plaintif telah mengikrar bahawa notis taksiran komposit tersebut tidak pernah dikembalikan kepada pejabat plaintif tanpa diserah.

b Saya bersetuju dengan penghujahan plaintif bahawa notis taksiran komposit (eks. "MR-2") yang telah disampaikan kepada defendan secara pos biasa ke alamat defendan telah sempurna disampaikan kepada defendan mengikut peruntukan s. 145(2)(a) Akta tersebut.

c Isu kedua yang dibangkitkan oleh defendan ialah bahawa notis taksiran komposit (eks. "MR-2") adalah tidak sah kerana tidak ditandatangani oleh pegawai pihak plaintif sepertimana yang diperuntukkan oleh s. 146(2) Akta tersebut.

d Saya bersetuju dengan penghujahan plaintif bahawa notis taksiran komposit tersebut (eks. "MR-2") tidak perlu ditandatangani kerana s. 146(1) Akta tersebut memperuntukkan bahawa setiap notis atau dokumen lain yang dikeluarkan bagi maksud Akta tersebut oleh Ketua Pengarah adalah dikira sah apabila nama dan pejabat Ketua Pengarah dicetak, dicop atau selainnya ditulis di atasnya.

e Di dalam eks. "MR-2" terdapat catitan seperti berikut:

> Hajirah Bt. Mohd. Tassaduk Khan
>
> Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
>
> Director-General of Inland Revenue, Malaysia.

f Maka saya berpendapat notis taksiran komposit (eks. "MR-2") adalah sah menurut peruntukan s. 146(1) Akta tersebut.

Isu ketiga yang dibangkitkan oleh defendan ialah samada plaintif perlu mengeluarkan perakuan di bawah s. 142(1) Akta tersebut.

g Ekshibit "MR-1" ialah satu perjanjian sebagaimana diperuntukkan di bawah s. 96A(1) Akta tersebut.

h

i

Dalam perjanjian ini yang ditandatangani oleh plaintif dan defendan yang mana telah mencapai satu persetujuan berkenaan jumlah cukai yang kena dibayar, jumlah penalti yang kena dibayar serta bayaran ansuran jumlah yang kena dibayar. Dalam perjanjian ini defendan telah membuat perakuan untuk membayar kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri sejumlah RM4,287,555.37 bagi cukai dan RM1,478,574.63 bagi penalti. Oleh itu saya berpendapat bahawa s. 142 Akta tersebut tidak terpakai. Di samping itu s. 96A(6) Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Notwithstanding any other provision of this Act:
>
> (a) a composite assessment made under this section shall be final and conclusive for the purposes of this Act; and
>
> (b) no appeal shall lie against a composite assessment.

Peruntukan di bawah s. 106 Akta tersebut pula, mahkamah tidak boleh melayan apa-apa plea bahawa amaun cukai yang hendak didapatkan kembali adalah berlebihan, ditaksir dengan tidak betul, di bawah rayuan atau dinaikkan dengan tidak betul di bawah s. 103(4), (5) atau (5A).

Di dalam kes *Government of Malaysia v. Dato' Mahindar Singh* [1996] 5 MLJ 626 Y.A. Hakim Arifin Zakaria (pada ketika itu) di m.s. 634 berkata:

> The law is clear that once an assessment is made, the Inland Revenue Department can invoke ss. 103 and 106 of the Act which make the tax payable under the assessment due and payable at the place specified in the notice of assessment upon service on the taxpayer of the notice whether or not the taxpayer appeals against the assessment. The taxes so due and payable may be recovered by the government by civil proceedings as a debt due to the government. Under s. 106(3), the court is debarred from entertaining any plea which claims that the amount of taxes sought to be recovered is excessive, incorrectly assessed, under appeal or incorrectly increased under s. 103(4), (5) or (5A).

Berdasarkan alasan-alasan seperti dinyatakan di atas saya mendapati bahawa defendan tidak mempunyai sebarang pembelaan bermerit serta tiada apa isu-isu yang perlu dibicarakan.

Oleh itu rayuan ini telah ditolak dengan kos.